

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RPW 532 - Kaedah Analisa Perancangan II

Tarikh: 5 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari

(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. a) Analisis perubahan ekonomi sesuatu kawasan kajian dengan kaedah Syif-Syer dibahagikan kepada tiga komponen yang boleh diwakili oleh persamaan berikut:

$$\begin{aligned}\Delta e_i^t &= e_i^{t-1} \left[(E^t/E^{t-1}) - 1 \right] \\ &+ e_i^{t-1} \left[(E_i^t/E_i^{t-1}) - (E^t/E^{t-1}) \right] \\ &+ e_i^{t-1} \left[(e_i^t/e_i^{t-1}) - (E_i^t/E_i^{t-1}) \right]\end{aligned}$$

iaitu,

e_i = pekerjaan sektor "i" di wilayah
 E = jumlah pekerjaan untuk negara
 E_i = pekerjaan sektor "i" untuk negara
 t = akhir jangkamasa kajian
 $t-1$ = permulaan jangkamasa kajian

Walaupun kaedah ini bertujuan untuk analisis prestasi ekonomi tempatan berbanding dengan ekonomi "benchmark", persamaan tersebut telah dikritikkan sebagai terlalu memberi penekanan kepada ekonomi "benchmark". Bincangkan.

(8 markah)

- b) Berdasarkan kepada jadual berikut bincangkan prestasi pertumbuhan ekonomi-ekonomi Wilayah dengan menggunakan kaedah analisis syif-syer.

(17 markah)

GUNATENAGA MENGIKUT SEKTOR, 1970 DAN 1980

Sektor	Wilayah A		Wilayah B		Negeri P.Pinang	
	1970	1980	1970	1980	1970	1980
PRIMER	20,118	13,924	10,832	8,193	52,500	43,700
SEKUNDER	17,666	35,446	12,940	33,822	90,300	181,400
TERTIARI	13,668	16,690	8,899	12,296	72,100	92,300
Jumlah	51,452	66,060	32,671	54,311	214,900	317,400

- 2. a) Secara ringkas bincangkan bagaimana pendekatan "DELPHI" dikendalikan sebagai satu kaedah ramalan.

(8 markah)

- b) Bincangkan kriteria maximim, maximas dan minimax kesal sebagai pendekatan untuk membuat keputusan.

(8 markah)

- c) Di dalam keadaan-keadaan berikut, bincangkan strategi-strategi yang akan diambil oleh pemain-pemain tertentu. Apakah nilai pulangan setiap permainan?

(i) $\begin{bmatrix} 1 & 5 \\ 2 & 3 \end{bmatrix}$

(ii) $\begin{bmatrix} 9 & -3 & -6 \\ 5 & 6 & -7 \\ -4 & 4 & -5 \end{bmatrix}$

(9 markah)

3. a) Kaedah analisis Kos-Manfaat wujud asasnya untuk menilai keuntungan kepada pelaburan oleh syarikat-syarikat swasta. Bincangkan bagaimana kaedah ini telah diperluaskan kegunaannya di dalam bidang-bidang lain seperti penilaian projek-projek pengangkutan, penempatan semula setingan dan lain-lain lagi yang mengandungi kos dan manfaat sosial atau kos dan manfaat yang perlu ditukar kepada nilai matawang. Gunakan satu contoh sahaja.

(12 markah)

- b) Analisis Threshold telah diwujudkan di Poland sebagai satu alat untuk mengkaji halangan dan peringkat-peringkat di dalam perkembangan sesuatu bandar. Bincangkan konsep dan teori threshold dan peringkat-peringkat di dalam menjalankan analisis tersebut.

(13 markah)

4. a) Bandingkan "Pendekatan Keperluan Terancang" yang dikemukakan oleh Chapin dengan "Pendekatan Simulasi Pasaran" oleh Lowry sebagai pendekatan-pendekatan am untuk ramalan kegunaan tanah.

(10 markah)

- b) Kajian-kajian oleh Zipf dan Stewart pada tahun 1940-an telah menunjukkan terdapat banyak fenomena manusia yang melibatkan interaksi di atas permukaan ruang pada peringkat makro boleh diramalkan dengan hukum fizik Newton. Bincangkan hukum tersebut dan bagaimana model ini telah digunakan untuk model agihan perumahan/kediaman.

(15 markah)

5. a) Dengan menggunakan lakaran, bincangkan elemen-elemen yang perlu dikaji di dalam sesuatu kajian tentang permintaan kemudahan rekreasi. (Anda boleh gunakan contoh kajian sebenar).

(10 markah)

- b) Berdasarkan kepada matrik di bawah bincangkan asas empirikal dan teori Analisis Input-Output.

(15 markah)

SEKTOR MENGELUAR	SEKTOR MENGGUNA				
	Industri-industri			Permintaan Akhir	Output Kasar
	Per-tanian	Pem-buatan	Per-khidmatan		
Pertanian	0	200	100	200	500
Pembuatan	300	0	300	400	1000
Perkhidmatan	0	200	0	300	500
Input Utama	200	600	100	0	900
INPUT KASAR	500	1000	500	900	2900